

u.m 30/3/07 . M/S 11

Perpaduan, syarat asas

Daripada OTHMAN MOHAMAD.
(Di Riyadh, Arab Saudi)

LIGA Arab, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) serta banyak pihak lagi mempunyai tanggungjawab terhadap rakyat di negara-negara Asia Barat yang sekian lama menderita ekoran konflik berterusan. Mereka semua mempunyai tanggungjawab kepada Tuhan.

Tidak jauh dari Riyadh, tempat berlangsungnya Sidang Kemuncak Liga Arab Ke-19, ribuan orang termasuk kanak-kanak menderita. Mereka terperangkap dalam kancah peperangan dan konflik. Mereka mengharapkan pembelaan dan bantuan bagi melepasi kesengsaraan itu. Namun mereka terus kecewa kerana tiada penyelesaian muktamad kepada masalah itu.

Liga Arab yang sepatutnya menjadi peneraju dalam menangani permasalahan itu tidak berperanan pada tahap sepatutnya, membiarkan kuasa besar terutama Amerika Syarikat (AS) dilihat sebagai pengantara yang memihak kepada rejim Israel yang selama ini menjadi akar kepada pergolakan di rantau tersebut yang bermula daripada pencerobohan Israel di bumi Arab pada Perang Timur Tengah 1967 lagi.

radio dan televisyen Arab Saudi yang membuat siaran langsung sidang itu, menyifatkan ucapan itu dibuat atau 'sikap persahabatan yang tinggi'.

Tiada siapa atau pihak yang boleh menyangkal hakikat bahawa dunia Arab perlu berbuat sesuatu, selain rakyat setiap negara bergolak itu sendiri perlu memainkan peranan supaya wujud perpaduan sesama mereka agar tumpuan kerajaan mereka boleh diberikan kepada agenda nasional, serantau dan antarabangsa.

Liga Arab yang kini berusia 62 tahun sewajarnya mencerminkan kematangan yang boleh diterjemahkan dalam tindak tanduk yang menjaga kepentingan negara-negara anggota khususnya. Itu semua tidak jelas sekarang.

Sungguhpun begitu, pertemuan di Riyadh telah memberi harapan baru. Abdulah sendiri yang sekian lama berkecimpung dalam arena antarabangsa – sejak menjadi Menteri Luar sehinggalah menerajui Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) sebelum ini selain masih menerajui OIC, dapat melihat perubahan itu.

Malah, jemputan kepada beberapa pemimpin di luar komuniti Arab ke sidang kemuncak ke-19 itu adalah cerminan bahawa mereka menyedari umat Islam di luar



BILIK persidangan yang mendengar isu-isu tumpuan seperti perdamaian Asia Barat sempena Sidang Kemuncak Arab di Riyadh bermula kelmarin.

- AP

Selain rakyat setiap negara bergolak itu sendiri perlu memainkan peranan supaya wujud perpaduan sesama mereka agar tumpuan kerajaan mereka boleh diberikan

Blok negara-negara Arab gagal mengimbangi kuasa AS di rantau mereka sendiri. Semuanya itu perlu diperbetulkan. Caranya, kesemua mereka perlu bersatu padu - asas kepada penyelesaian Asia Barat yang tidak pernah muncul selama ini, walaupun dalam banyak platform mereka menyatakan kesepakatan tetapi tidak disusuli dengan kesungguhan dan komitmen.

Itulah jika boleh disimpulkan apa yang diluahkan oleh banyak pihak sebelum dan semasa berlangsungnya pertemuan 22 negara Arab di Riyadh, yang turut disertai oleh beberapa pemimpin di luar dunia Arab termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Pengerusi OIC.

Malah, Abdullah yang diberi peluang berucap pada sidang itu turut menimbulkan betapa perlunya komitmen bersungguh-sungguh di kalangan semua negara Arab terutamanya dalam usaha merealisasikan apa juga yang diputuskan ke arah mencari perdamaian di rantau mereka itu.

Mereka, kata Abdullah, perlu bangkit dan mengikis persepsi iaitu umat Islam termasuk dari dunia Arab, tidak begitu bersatu padu yang akhirnya melemahkan mereka sendiri.

Ekoran ucapan berterus terang Abdullah itu, para pemimpin yang berada dalam dewan persidangan di Pusat Persidangan Antarabangsa King Abdulaziz bangun memberi ucapan tahniah kepada beliau yang rata-rata menganggapnya sebagai kenyataan yang berterus terang. Malahan stesen

dunia Arab lebih ramai dan pandangan mereka perlu dilihat sama. Jadi pertemuan kali ini turut membariskan para pemimpin dari Pakistan, Indonesia dan beberapa negara lagi.

Setiausaha Agung Liga Arab, Amr Mousa juga mengakui perkembangan yang nampakkan kesungguhan negara-negara anggota itu. "Sudah lahir kesungguhan untuk mereka membuat sesuatu supaya keamanan di Asia Barat dapat dikembalikan sepenuhnya," kata Moussa pada sidang tersebut.

Masalah asas kepada segala permasalahan Asia Barat - pendudukan Israel di bumi Arab - perlu diberikan tumpuan sepenuhnya. Hanya pengunduran sepenuhnya Israel, seperti dimahukan oleh Inisiatif Arab 2002 yang dicapai pada Sidang Kemuncak Liga Arab di Beirut akan dapat membuka jalan jelas ke arah kedamaian berkekalan di rantau tersebut.

Pertukaran pengunduran Israel dari wilayah-wilayah yang diduduki akan menjanjikan pengiktirafan sepenuhnya dunia Arab kepada kewujudan negara Israel. Namun, rejim Israel tidak semudah itu, apatah lagi apabila AS yang dianggap pengan-tara kepada isu Palestin-Israel ini berat sebelah.

Percubaannya mempengaruhi perjalanan sidang kemuncak yang baru berakhir ini adalah satu contoh terbaru lagi jelas bagaimana AS bersikap memihak, yang akhirnya melindungi 'kepentingan' Israel.

Kunjungan Setiausaha Negara AS, Con-

kepada agenda nasional, serantau dan antarabangsa

doleezza Rice ke beberapa negara rantau Asia Barat termasuk menemui Presiden Palestin, Mahmoud Abbas di Amman, beberapa hari menjelang Sidang Kemuncak Liga adalah contoh bagaimana AS mahu 'menceroboh' ke dalam agenda sidang itu.

Liga Arab perlu menyekat gerakan seperti itu. Formulanya mudah tetapi perlu dilaksanakan secara bersungguh-sungguh seperti apa yang dikatakan oleh Abdullah, iaitu: Perpaduan!

Pertama, rakyat di negara-negara yang bergolak termasuk di Iraq, Palestin dan Lebanon perlu sedar bahawa mereka tidak lagi boleh berpecah belah sesama mereka. Perbalahan puak di Iraq perlu dihentikan segera. Rakyat negara-negara terlibat khususnya perlu bangkit mendukung kerajaan mereka, seperti mana yang perlu diberikan kepada kerajaan perpaduan Palestin.

Kedua, negara-negara Arab dan negara Islam keseluruhannya perlu memberi dukungan kepada apa juga keputusan yang sama-sama mereka persetujuan dalam apa juga pertubuhan sama ada Liga Arab, OIC, NAM dan sebagainya. Ia perlu disertai dengan komitmen untuk melaksanakan apa juga yang diputuskan.

Masalah timbul apabila, dalam kebanyakan kes, wujud apa yang disifatkan oleh Perdana Menteri sebagai 'konflik kepentingan nasional dengan kepentingan kumpulan atau pertubuhan yang diwakili'. Ma-

salah berkenaan seringkali membantutkan usaha melaksanakan sebarang resolusi yang mewakili pertubuhan - kepentingan nasional dalam banyak kes tetap menjadi keutamaan.

Penasihat Keselamatan kepada Presiden Palestin, Mohammad Dahlan dapat menyelesaikan masalah itu. Ekoran itu beliau menegaskan bahawa para pemimpin Arab tidak cukup setakat mencadangkan inisiatif politik seperti yang dibuat di Beirut pada tahun 2002, tanpa sebarang mekanisme untuk pelaksanaannya.

Amat penting bagi mencari jalan mewujudkan mekanisme untuk pelaksanaan berhubung inisiatif perdamaian di rantau ini yang semakin mendesak," katanya.

Benar, tindakan kepada sebarang usul yang dicapai bukan setakat membuat keputusan. Ia perlu diteruskan sehingga ke peringkat dapat dilaksanakan sepenuhnya dan dalam usaha itu ia amat memerlukan tindakan-tindakan berbentuk diplomasi. Bagi membolehkan iaitu semua berlaku, organisasi yang melaksanakannya perlu utuh berpadu.

Liga Arab misalnya, perlu bangkit menjadi kuat dan berani seperti di peringkat awal penubuhannya seperti langkah memulaukan barangan keluaran Israel sebagai tanda kemarahan terhadap pencerobohan di Palestin.